



**MONOGRAF**

**LEMBAGA**

**RAYUAN**

**NEGERI**

**PAHANG**

**EDISI 2020**

Bagi maksud Akta ini hendaklah  
ditubuhkan suatu lembaga rayuan di  
dalam dan bagi Negeri ”

- Seksyen 36 (1)

“

idang Redaksi:

Bahagian Perancangan Korporat Dan  
Lembaga Rayuan  
@Pahang

# ISI KANDUNGAN

02

LATAR BELAKANG

04

PENUBUHAN  
LEMBAGA RAYUAN  
(LR)

12

PROSES DAN  
PROSEDUR  
LEMBAGA RAYUAN  
(LR)

## PPA Lembaga Rayuan (LR)

### Latar Belakang Lembaga Rayuan (LR)

01

Lembaga Rayuan (LR) adalah badan berkecuali yang ditubuhkan di bawah Bahagian VI, Seksyen 36 Akta 172.

02

LR berfungsi sebagai 'mahkamah perancangan' yang diwujudkan untuk mendengar kes-kes berkaitan perancangan bandar dan desa,

03

LR – saluran bagi memudahkan pihak awam dan pihak yang terkilan bagi mengemukakan rayuan sekiranya tidak berpuas hati dengan keputusan PBPT


### LEMBAGA RAYUAN

- 1 Rujukan oleh **Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Ahli, Pendaftar dan Urus Setia LR** dalam mentadbir pengurusan Lembaga Rayuan
- 2 Rujukan oleh **perayu (orang yang terkilan), responden (PBPT), ejen atau wakil bagi pihak perayu dan responden atau pencelah**

Panduan Pelaksanaan Akta (PPA) – LR disediakan bagi menyelaraskan proses dan prosedur serta memudahcara pelaksanaan LR di semua Negeri, selaras dengan keputusan Mesyuarat Pendaftar LR ke II pada 28 April 2010.

Sidang Redaksi:

## KEDUDUKAN LEMBAGA RAYUAN



Kedudukan Lembaga Rayuan (LR) di dalam organisasi undang-undang mahkamah adalah terletak di bawah Mahkamah Rendah yang terdiri daripada Mahkamah Seksyen

## Penubuhan Lembaga Rayuan (LR)

Pihak Berkuasa Negeri (PBN) hendaklah menyediakan dan mewartakan Kaedah – Kaedah LR Negeri masing – masing.

SUBSEKSYEN 26(15) AKTA 172

*Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah – kaedah untuk menerapkan tatacara rayuan kepada Lembaga Rayuan dan fi yang perlu dibayar berkenaan dengannya, dan mengawalsedia prosiding Lembaga Rayuan tetapi sehingga kaedah – kaedah itu dibuat dan berkuasa kuasa, Lembaga Rayuan hendaklah, bagi maksud prosiding, setakat yang boleh dilaksanakan mengikut Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 [P.U. (A) 328/1980].*



PBN bertanggungjawab melantik :



Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan



Ahli Lembaga Rayuan



Pendaftar dan urus setia Lembaga Rayuan

*Bagi maksud Kanun Keseksaan [Akta 574], Lembaga Rayuan hendaklah disifatkan sebagai satu mahkamah dan tiap – tiap ahlinya hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam”*

- Subseksyen 36(14) Akta 172

## Kuasa Lembaga Rayuan (LR)

Hendaklah mendengar perayu dan PBPT




Boleh memanggil dan memeriksa saksi



Boleh memaksa pengemukaan dan serahan apa-apa dokumen

Boleh membuat apa-apa perintah sama ada yang diperuntukkan atau tidak, dan selaras dengan Akta ini



Boleh mengkehendaki orang mengikat dirinya atas sumpah untuk menyatakan yang benar



Boleh mengawardkan kos



Boleh mengesahkan, mengubah atau mengakses perintah



## Perkara Yang Boleh Dirayu

### **Perenggan 23(1)(a)**

Penolakan Kebenaran Merancang/pengenaan syarat dalam Kebenaran Merancang

### **Perenggan 23(1)(b)**

Pemunya tanah berjiran terkilan dengan keputusan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

### **Perenggan 25(9)**

Notis pembatalan / pengubahsuaian Kebenaran Merancang – amaun pampasan

### **Perenggan 30(20) dan 30(7)**

Notis rekuisisi dan amaun pampasan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

### **Perenggan 35(c), 35(d), 35(e)**

Perintah pemeliharaan pokok/bayaran pampasan/ penggantian pokok



## Organisasi Lembaga Rayuan

### KELAYAKAN PERENGGAN 36(2)(a) Akta 172)

#### PENGERUSI & TIMBALAN PENERUSI

##### Tempoh memegang jawatan :

- ✓ Tidak melebihi 3 tahun bagi setiap pelantikan.
- ✓ Boleh dilantik semula.



Mempunyai sekurang-kurangnya **10** tahun pengalaman berkhidmat dalam bidang kehakiman atau perundangan

Dalam konteks Akta 172 pula, seseorang yang mempunyai

Pengalaman dalam bidang perancangan bandar dan desa

Pegawai Perancang Bandar dan Desa yang berkhidmat sekurang-kurangnya selama :

**20** tahun & **05** tahun berkhidmat di peringkat Negeri

Seseorang yang tergolong dalam kalangan :

Hakim atau bekas hakim

Peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi

Anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia

Seorang yang berpengalaman dari segi kehakiman

#### Bidang Tugas Pengerusi

Membuat akuan penurunan kuasa kepada Timbalan Pengerusi semasa ketiadaannya untuk menjalankan fungsi sebagai Pengerusi Lembaga Rayuan menurut subseksyen 36(5) Akta 172

**01**

Menentukan tarikh, tempat dan masa mesyuarat / prosiding

**02**

Menyediakan nota keterangan termasuklah kronologi prosiding dan keputusan pendengaran

**03**

Menyediakan *written judgement* sekiranya ada semakan kehakiman selaras dengan elau tetap perkeranian yang ditetapkan

**04**

Mengaward kos sekiranya perlu termasuklah menentukan amaun kos

**05**

Melantik mana – mana dua orang daripada ahli di bawah perenggan (36(2) (b) untuk berkhidmat dengannya dalam Lembaga Rayuan menurut subseksyen 36(6) Akta 172

**06**

**07** Membuat lawatan tapak sekiranya perlu

Membuat apa – apa perintah sama ada yang diperuntukkan mengikut perenggan 36(10)(g) Akta 172 atau yang selaras dengan Akta 172

**08**

Menandatangani award dan perintah yang dikeluarkan, dibuat atau diberi oleh Lembaga Rayuan menurut subseksyen 36(12) Akta 172

**09**

Menyediakan dokumen untuk semakan kehakiman (tempoh 40

**11**

Membuat akuan penurunan kuasa kepada Timbalan Pengerusi semasa ketiadaannya untuk menjalankan fungsi sebagai Pengerusi Lembaga Rayuan menurut subseksyen 36(5) Akta 172

**10**

#### Bidang Tugas Timbalan Pengerusi

Menjalankan tugas -tugas sepertimana Pengerusi dalam ketiadaan Pengerusi

**01**


Menjalankan tugas – tugas sepertimana seorang Ahli sekiranya dilantik menjadi salah seorang dari dua ahli yang dilantik dalam mesyuarat / prosiding

**02**



**KELAYAKAN (PERENGGAN 36(2)(b) Akta 172)**

**AHLI  
LEMBAGA  
RAYUAN**



Bilangan ahli

<12

Terdiri daripada Bekas penjawat awam dan professional

Mempunyai Pengetahuan serta kepakaran yang tinggi dalam bidang masing-masing

Dicadangkan ahli perlu mempunyai :

Pengetahuan berkenaan kawasan adat resam masyarakat tempatan

**Tempoh memegang jawatan :**


- ✓ Tidak melebihi 3 tahun bagi setiap pelantikan
- ✓ Boleh dilantik semula

Dicadangkan :

2



Daripada ahli yang dilantik di dalam mesyuarat / prosiding hendaklah mempunyai kelayakan dan pengalaman dan bidang perancangan bandar dan desa



Contohnya seseorang yang mempunyai kepakaran dalam mengendalikan undang – undang adat pepatih

**Bidang Tugas  
Ahli Lembaga Rayuan**

Menghadiri mesyuarat / prosiding Lembaga Rayuan apabila diminta oleh Pengerusi Lembaga Rayuan

01

Sekiranya seseorang ahli tambahan mempunyai kepentingan dalam kes LR, hendaklah menzahirkan fakta dan jenis kepentingannya kepada Pengerusi dan tidak boleh terlibat di dalam mesyuarat/prosiding LR tersebut menurut subseksyen 36(7) Akta 172

03

Memberi pandangan kepada Pengerusi Lembaga Rayuan berkenaan kes – kes Lembaga Rayuan

02

Membuat lawatan tapak sekiranya perlu.

04

Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan Pengerusi LR berkaitan kes - kes LR seperti menyediakan alasan keputusan, skeleton note, membacakan elemen-elemen pertikaian dalam kes sebelum keputusan dibacakan dan lain-lain

05

## KELAYAKAN

# PENDAFTAR & URUS SETIA

### Tempoh memegang jawatan :

- ✓ Tempoh had masa memegang jawatan adalah sehingga terdapat pelantikan baru oleh Pihak Berkuasa Negeri

Hendaklah dilantik dari kalangan orang yang berkelayakan dan berpengalaman dalam hal

Perancangan Bandar dan Desa



Pihak berkelayakan adalah

Pegawai  
Perancang  
Bandar dan Desa

Di PLANMalaysia Negeri yang

Tidak terlibat dalam urusan kawalan perancangan

## Bidang Kuasa Pendaftar dan Urus Setia

Menentukan tarikh, tempat dan masa mesyuarat / prosiding

01

Menyediakan nota keterangan termasuklah kronologi prosiding dan keputusan pendengaran

02

Menyediakan *written judgement* sekiranya ada semakan kehakiman selaras dengan elauan tetap perkeranian yang ditetapkan

03

Melantik mana – mana dua orang daripada ahli di bawah perenggan (36(2) (b) untuk berkhidmat dengannya dalam Lembaga Rayuan menurut subseksyen 36(6) Akta 172

04

Membuat lawatan tapak sekiranya perlu

05

Membuat apa – apa perintah sama ada yang diperuntukkan mengikut perenggan 36(10)(g) Akta 172 atau yang selaras dengan Akta 172

06

Menandatangani award dan perintah yang dikeluarkan, dibuat atau diberi oleh Lembaga Rayuan menurut subseksyen 36(12) Akta 172

07

Mengaward kos sekiranya perlu termasuklah menentukan amaun kos

08

Membuat akuan penurunan kuasa kepada Timbalan Pengerusi semasa ketiadaannya untuk menjalankan fungsi sebagai Pengerusi Lembaga Rayuan menurut subseksyen 36(5) Akta 172

09

Menyediakan dokumen yang berkaitan untuk semakan kehakiman dalam tempoh 40 hari dari tarikh surat yang dikeluarkan

10

## Ahli-Ahli Lembaga Rayuan Negeri Pahang 2019 - 2022



**Pengerusi**

**YBhg. Dato' Noorbahri bin Baharudin, DPMT.**

**Timbalan Pengerusi**

**YH. Dato' Zainon binti Ahmad, DIMP.**

**Ahli-Ahli**

**YBrs. Profesor Dato' Dr. Alias bin Abdullah, DIMP., JMW.**

**YH. Dato' Haji Ahmad Salhi bin Abdul Latif, DIMP.,SAP.,AAP.,PKC.,PJK.**

**YH. Dato' Haji Jamlus bin Deraman, DIMP.**

**Encik Mohamad Nazri bin Jaafar**

**Encik Mohd Nor bin Hashim**

**Pendaftar**

**Encik Kamarulzaman bin Abd Rahman (2019 – Mac 2020)**

**Puan Norazreen binti Abu Bakar (bermula April 2020)**

**Urus Setia**

**Bahagian Perancangan Korporat Dan Lembaga Rayuan**

# AKTA 172

Lembaga Rayuan (LR) akan menimbangkan kes-kes sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta 172 iaitu Seksyen 23, 25, 30, 36 dan Seksyen 35C serta 35D.

ASPEK	AKTA 172	SEKSYEN
Pelantikan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi	Dilantik PBN melalui pemberitahuan dalam Warta Negeri dengan persetujuan Menteri	36(2)
	Orang dilantik hendaklah yang menjadi atau telah menjadi :	36(2)(a)
	• Hakim	
	• Peguam Bela dan Peguam Cara Mahkamah Tinggi Malaya	
	• Anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia	
	• Berpengalaman dari segi kehakiman	
	• Berkelayakan dan berpengalaman sesuai yang lain	
	Pelantikan untuk tempoh tidak lebih tiga tahun dan layak dilantik semula	36(3)
Pelantikan boleh dibatalkan oleh PBN tanpa memberi sebab	36(4)	
Keahlian Lembaga Rayuan	Beberapa orang yang layak, tidak melebihi 12 orang, boleh dilantik menjadi ahli tambahan Lembaga Rayuan melalui pemberitahuan dalam Warta Negeri	36(2)(b)
	Pelantikan untuk tempoh tiga tahun dan layak dilantik semula	36(3)
	Pelantikan boleh dibatalkan oleh PBN tanpa memberi sebab	36(4)
	Kes rayuan akan didengar oleh Pengerusi dan mana-mana dua orang ahli yang dilantik	36(6)
Kuasa Lembaga Rayuan	Mendengar perayu dan PBPT	36(10)(a)
	Memanggil dan memeriksa saksi	36(10)(b)
	Mengkehendaki mana-mana orang yang mengikat dirinya atas sumpah untuk menyatakan yang benar	36(10)(c)
	Memaksa pengemukaan dan penghantar serahan apa-apa dokumen yang difikirkan berkaitan atau material olehnya bagi rayuan itu	36(10)(d)
	Mengesahkan, mengubah atau mengakses perintah atau keputusan yang dirayu	36(10)(e)
	Mengawardkan kos	36(10)(f)
	Membuat apa-apa perintah sama ada yang diperuntukkan atau tidak oleh dari yang selaras dengan Akta 172	36(10)(g)
Perkara – Perkara yang boleh dirayu kepada Lembaga Rayuan	Rayuan terhadap permohonan KM yang ditolak atau syarat-syarat yang dikenakan bagi KM yang diberikan oleh PBPT	23(1)(a)
	Rayuan terhadap bantahan pemohon tanah berjiran yang terkilan dengan keputusan PBPT berhubung bantahannya	23(1)(b)
	Rayuan terhadap amaun pampasan sebagai pematuhan notis rekuisisi	25(9)
	Rayuan terhadap perintah pemeliharaan pokok	30(7)
	Rayuan terhadap amaun pampasan sebagai pematuhan perintah pemeliharaan pokok	35C
	Rayuan terhadap perintah penggantian pokok	35D

## Proses dan Prosedur Lembaga Rayuan (LR)

**MULA**

### Subkaedah 4(1)

Tempoh satu bulan  
Daripada tarikh keputusan PBPT disampaikan

### Subkaedah 4(2)

Perayu memfail Notis Rayuan mengikut borang Jadual Kedua kepada Lembaga Rayuan

Borang A	Borang B	Borang C	Borang D
s. 23 (1)(a)	s. 25 (9)	s. 30 (2)	s. 35E (3)
s. 23 (1)(b)	s. 30 (7)		
	s. 35D (3)		

### Perayu

Membayar fi mengikut Jadual Ketiga

### Subkaedah 4(4)

Satu salinan notis rayuan hendaklah disampaikan kepada semua pihak yang relevan terhadap keputusan rayuan dibuat

### Pemfailan Notis Rayuan Sempurna

### Subkaedah 6(4)

Apabila notis rayuan difailkan Pendaftar hendaklah :

- Memasukkan butiran rayuan dalam Daftar Rayuan dan no. rujukan kemasukan
- Menyampaikan satu salinan notis rayuan kepada PBPT – 10 Hari
- Jika rayuan perenggan 23 (1)(b) menyampaikan kepada yang memohon – 10 hari 21 (6) – kawasan yang tidak mempunyai RT

Perayu menurut subkaedah 5 (c) :  
Dalam tempoh 30 hari memfailkan apa-apa dokumen atau ekshibit yang relevan kepada perkara yang dipertikaikan

### Subkaedah 6(1)

Responden iaitu PBPT :

- Menyediakan pernyataan bertulis mengenai fakta-fakta kes dan mengenai sebab-sebab atau alasan tindakan PBPT dipertikaikan dan dokumen relevan.
- Mengumpul segala dokumen dan persuratan
- Menyediakan dan mengumpul apa-apa dokumen dan ekshibit sebagaimana diminta pendaftar

### Subkaedah 7(2)

Pendaftar menyerahkan notis dalam Borang F Jadual II untuk bayaran dibuat perayu dalam tempoh 14 hari untuk perbelanjaan penyediaan rekod rayuan

### Subkaedah 7(4)

Pendaftar hendaklah :

- Membekalkan kepada perayu satu salinan rekod rayuan dan sejumlah rekod rayuan kepada semua pihak terlibat
- Mengemukakan kepada Pengerusi dan dua orang ahli Lembaga Rayuan salinan tiap-tiap rekod rayuan

### Subkaedah 7(5)

Perayu hendaklah menyampaikan rekod rayuan kepada semua pihak yang terlibat dalam tempoh tujuh hari genap sebelum tarikh perbicaraan

### Subkaedah 8(3)

Pendaftar atas arahan Pengerusi ;  
Menyampaikan kepada pihak-pihak dalam rayuan suatu notis Borang G Jadual II memberitahu tarikh, masa dan tempat perbicaraan – 10 hari genap sebelum perbicaraan

### Subkaedah 9

Pengerusi boleh, pada bila-bila masa :

- Menghendaki perayu, PBPT atau mana-mana pihak lain dalam rayuan itu dalam masa yang ditentukan memberikan butir-butir lanjut dan jelas bagi LR
- Membenarkan apa-apa permohonan oleh pihak dalam rayuan meminda dokumen, notis atau pernyataan dalam rekod rayuan atas apa-apa syarat yang difikirkan patut

### Subkaedah 10

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta dan Kaedah-Kaedah ini prosedur berikut subkaedah 10 (a) hingga subkaedah 10 (k) hendaklah digunakan berhubung dengan perbicaraan sesuatu rayuan oleh LR

### Subkaedah 10 (i)

Di akhir perbicaraan Pengerusi hendaklah menyampaikan keputusan, perintah atau award LR dan Pengerusi hendaklah dengan jelasnya menyatakan alasan-alasan bagi keputusan, perintah atau award LR

### Subkaedah 10 (j)

Pendaftar menyampaikan satu salinan keputusan LR kepada setiap pihak yang terlibat mengikut Borang H Jadual II

### Keputusan

**30 hari** tempoh menyerahkan dokumen kepada Pendaftar  
Jika gagal serah dokumen LR akan meneruskan perbicaraan

## KES LEMBAGA RAYUAN NEGERI PAHANG 2020

**01** Rayuan Bagi Pihak Genting Highlands Berhad Terhadap Keputusan-Keputusan Majlis Perbandaran Bentong.

**02** Rayuan Bagi Pihak Genting Malaysia Berhad Terhadap Keputusan-Keputusan Majlis Perbandaran Bentong.

## SENARAI PERSIDANGAN LEMBAGA RAYUAN NEGERI PAHANG 2020

Pengurusan Kes Lembaga Rayuan pada 14 Julai 2020 bertempat di Kompleks Mahkamah Kuantan.

**01**

Pengurusan Kes Lembaga Rayuan pada 24 September 2020 bertempat di PLANMalaysia@Pahang.

**02**

Pendengaran Permohonan Penggantungan dan *Discovery* (Penzahiran) pada 1 Disember 2020 bertempat di PLANMalaysia@Pahang

**03**

Pendengaran Bagi Notis Bantahan Awal pada 4 Disember 2020 bertempat di PLANMalaysia@Pahang

**04**

## SEMAKAN KEHAKIMAN

*Sesuatu perintah yang dibuat oleh Lembaga Rayuan atas suatu rayuan di hadapannya adalah muktamad tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah, dan hendaklah mengikat semua pihak kepada rayuan itu atau yang terlibat dalam perkara itu*

- Seksyen 36 (13)



## Monograf Lembaga Rayuan Negeri Pahang Edisi 2020

**PLANMalaysia@Pahang**

(Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Pahang)

Tingkat 4, Kompleks Tun Razak,

25200 Bandar Indera Mahkota,

Pahang Darul Makmur.

Tel : 09-5721181 Faks : 09-5732001

<https://jpbd.pahang.gov.my>